



SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN AUTOMOTIF KELUARGA MALAYSIA (BENGGEL TIDAK BERDAFTAR)

A. PENGENALAN

1. S: Apakah Inisiatif Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar)?

J: Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) adalah penambahbaikan daripada inisiatif sedia ada di bawah Bantuan Banjir Keluarga Malaysia yang bertujuan untuk meringankan beban golongan terjejas akibat bencana banjir bermula daripada 18 Disember 2021. Inisiatif sedia ada melalui bawcar diskaun automotif sebanyak RM1,000 telah diperluas bagi membaiki atau penggantian kenderaan persendirian yang rosak / musnah akibat banjir dan dibuat di **SELAIN** pusat servis / pengedar sah yang berdaftar dengan syarikat yang mengambil bahagian.

2. S: Bilakah Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) mula berkuatkuasa?

J: Bantuan ini berkuatkuasa pada 18 Disember 2021 hingga 31 Mac 2022 selaras dengan jangkaan tempoh monsun timur laut.

3. S: Apakah syarat kelayakan individu untuk memohon inisiatif Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar)?

J: Syarat kelayakan individu untuk memohon inisiatif ini adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar dengan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) / Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) / Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
- iii. Kenderaan milik persendirian [Ketua Isi Rumah (KIR) / Ahli Isi Rumah (AIR)] yang rosak akibat banjir berdasarkan resit yang disertakan
- iv. Kenderaan yang tidak dilindungi oleh insuran bencana alam

4. S: Bagaimanakah cara untuk memohon Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar)?

J: Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) ini boleh dibuat secara:

i. Dalam talian di Portal Rasmi Bantuan <https://bantuanautomotif.hasil.gov.my>; atau

- ii. Manual (Borang Permohonan) di mana-mana Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) serta Cawangan LHDNM berhampiran. Borang Permohonan boleh diperolehi pada Portal Rasmi Bantuan atau di Cawangan LHDNM / PKOB.

Pemohon / Ketua Isi Rumah (KIR) berdaftar hanya perlu mengisi maklumat kenderaan terlibat dengan menyertakan resit pembaikan atau penggantian kenderaan persendirian yang rosak / musnah akibat banjir.

5. **S: Apakah definisi Ahli Isi Rumah (AIR) bagi pelaksanaan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar)?**

J: Ahli Isi Rumah (AIR) ialah individu yang mempunyai hubungan pertalian dengan Ketua Isi Rumah (KIR) dan terhad kepada hubungan Pasangan / Ibu / Bapa / Anak / Adik-beradik / Cucu.

6. **S: Berapa lamakah tempoh Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) boleh dilakukan?**

J: Tempoh permohonan adalah mulai **19 Januari 2022 hingga 31 Mac 2022**.

7. **S: Apakah jenis kenderaan yang layak untuk menebus Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar)?**

J: Jenis kenderaan yang layak adalah seperti berikut:

- i. Kenderaan yang rosak akibat banjir dalam kategori kenderaan persendirian (termasuk kenderaan penumpang, trak pikap, van dan motosikal) tanpa perlindungan insuran bencana alam sahaja.
- ii. Kenderaan persendirian yang **TIDAK DIHANTAR** ke pusat servis / pengedar sah yang berdaftar dengan syarikat yang mengambil bahagian sahaja layak membuat tuntutan. **Rujuk soalan 16.**

B. PEMBAYARAN

8. **S. Bilakah tarikh pembayaran Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) akan dibuat?**

J.

| Kaedah Pembayaran | Kelompok | |
|--|------------------------|---------------------|
| | Pertama | Kedua |
| Ada Akaun | Mulai 28 Februari 2022 | Mulai 27 April 2022 |
| Tiada Akaun / Status Pengkreditan Gagal Kredit | Mulai 02 Mac 2022 | |

9. **S: Bagaimanakah kaedah pembayaran Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) ini akan dibuat?**

J: Pembayaran akan dikreditkan terus ke akaun bank Pemohon / Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar dalam Pangkalan data Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) 2021, Bantuan Khas COVID-19 (BKC) dan Geran Khas Prihatin (GKP) di LHDNM atau secara tunai di Kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) sekiranya tiada maklumat akaun bank / status pengkreditan Gagal Kredit.

10. **S: Bagaimanakah kaedah pembayaran Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) ini akan dibuat sekiranya maklumat saya tiada pada pangkalan data Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) 2021, Bantuan Khas COVID-19 (BKC) dan Geran Khas Prihatin (GKP)?**

J: Pembayaran Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) adalah secara tunai di Kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) sekiranya tiada maklumat akaun bank / status pengkreditan Gagal Kredit.

11. **S: Bilakah tarikh akhir tuntutan tunai bagi penerima Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) yang tiada maklumat akaun bank / status pengkreditan Gagal Kredit?**

J: Penerima Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) yang tiada maklumat akaun bank / status pengkreditan Gagal Kredit boleh membuat tuntutan tunai di cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) sebelum atau pada **31 Disember 2022**.

C. STATUS PERMOHONAN

12. **S: Bila dan bagaimanakah semakan status Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) boleh dibuat?**

J: Pemohon / Ketua Isi Rumah (KIR) yang layak akan menerima Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) melalui nombor telefon bimbit yang telah didaftarkan semasa Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar). Maklumat yang dimaklumkan secara SMS adalah kaedah pembayaran sama ada melalui pengkreditan ke akaun atau tuntutan secara tunai di BSN.

13. **S: Saya telah membuat Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) tetapi tidak menerima sebarang makluman secara SMS. Bagaimanakah dengan status permohonan saya?**

J: Untuk semakan lanjut mengenai kelulusan permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar), pemohon boleh hubungi:

- i. Hotline BKK LHDNM : 1-800-88-2747; atau
- ii. Talian Bantuan Khas Kerajaan Cawangan LHDNM; atau
- iii. Hotline BKK MOF : 03-8882 4565 / 4566

D. PENUNAIAN OLEH WAKIL

14. S. **Siapakah yang dibenarkan menjadi wakil kepada pemohon untuk membuat penunaian inisiatif Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar)?**

- J. Wakil yang dibenarkan hadir ke BSN bagi tujuan penunaian inisiatif Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) terhadap kepada :
- i. Pasangan
 - ii. Ibu
 - iii. Bapa
 - iv. Anak:
 - Anak Kandung
 - Anak Tiri
 - Anak Angkat
 - v. Adik-Beradik
 - vi. Cucu

15. S. **Apakah dokumen yang perlu dibawa oleh wakil semasa penunaian inisiatif Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar)?**

- J. Dokumen yang perlu dibawa oleh wakil adalah:
- i. Kad pengenalan baru (asal atau salinan) pemohon; **DAN**
 - ii. Kad Pengenalan / Pasport asal wakil; **DAN**
 - iii. Dokumen pembuktian pertalian antara pemohon dan wakil (asal atau salinan);

| Bil. | Hubungan Wakil | Dokumen Pengesahan Pertalian |
|------|----------------|---|
| 1. | Pasangan | a. Sijil Perkahwinan; ATAU b. Sijil Lahir Anak |
| 2. | Ibu / Bapa | Sijil Kelahiran pemohon |
| 3. | Anak | Sijil Kelahiran Wakil (Anak) |
| 4. | Anak Angkat | a. Sijil Anak Angkat yang dikeluarkan oleh JPN; ATAU b. Pengesahan Agensi Kerajaan (jika pemohon tiada Sijil Anak Angkat) iaitu: <ol style="list-style-type: none">i. Mahkamah; atauii. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) |
| 5. | Anak Tiri | a. Sijil Lahir Wakil (Anak Tiri); DAN b. Sijil Perkahwinan Ibu / Bapa Tiri |
| 6. | Adik Beradik | a. Sijil Kelahiran Pemohon; DAN b. Sijil Kelahiran Wakil |
| 7. | Cucu | a. Sijil Kelahiran Wakil (Cucu); DAN b. Sijil Kelahiran Ibu / Bapa kepada Wakil |

- i. Dokumen tambahan mengikut situasi bagi pemohon yang tidak dapat hadir untuk penunaian:
 - a. Surat Pengesahan Penjara / Pusat Serenti (salinan atau asal) jika pemohon berada di penjara atau Pusat Serenti; atau
 - Tempoh masa Surat Pengesahan:
 - Terdapat paparan tarikh masuk dan keluar penjara; atau
 - Sekiranya tiada tarikh masuk keluar penjara, Surat Pengesahan Penjara yang dikeluarkan berkenaan mesti bertarikh tahun semasa.
 - b. Surat pengesahan majikan yang mempunyai tarikh mula dan tamat bertugas pemohon yang menunjukkan bukti pemohon berada diluar negara; atau
 - c. Surat pengesahan hospital jika pemohon menerima rawatan di hospital; atau
 - d. Surat pengesahan yang menunjukkan pemohon uzur atau tidak berdaya untuk bergerak; atau
 - e. Kad Orang Kelainan Upaya (OKU)

16. **S:** **Saya ingin mewakili pemohon untuk membuat penunaian inisiatif Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) di BSN disebabkan pemohon sedang menerima rawatan di hospital. Adakah saya perlu mendaftarkan nama saya pada Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) pemohon sebagai wakil?**

J: Tidak. Wakil yang dibenarkan (rujuk soalan 13) boleh terus hadir ke Cawangan BSN bersama-sama dokumen sokongan yang diperlukan (rujuk soalan 14). Maklumat penunaian akan dikemas kini pada portal rasmi Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) setelah menerima laporan pembayaran daripada BSN.

E. HAL-HAL LAIN

17. **S:** **Adakah saya boleh membuat Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) sekiranya pembaikan kenderaan dibuat di pusat servis / pengedar sah yang berdaftar dengan syarikat yang mengambil bahagian?**

J: Tidak. Hanya kenderaan yang **TIDAK DIHANTAR** ke pusat servis / pengedar sah yang berdaftar dengan syarikat automotif terlibat layak Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar). Senarai pusat servis / pengedar sah yang berdaftar dengan syarikat automotif terlibat adalah seperti berikut:

| BIL. | NAMA SYARIKAT |
|------|--|
| 1 | Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA) |
| 2 | Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON) |
| 3 | Tan Chong & Sons Motor (Nissan) |
| 4 | UMW Toyota Motor |
| 5 | Honda Malaysia |
| 6 | Mitsubishi Motors Malaysia (MMM) |
| 7 | TC Euro Cars (Renault) |
| 8 | Mercedes-Benz Malaysia |
| 9 | BMW Malaysia |
| 10 | Sime Darby Motor Group (untuk Ford, Hyundai dan lain-lain) |
| 11 | Mazda, Peugeot dan KIA |
| 12 | TC Subaru |
| 13 | Volvo car Malaysia |
| 14 | Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) |
| 15 | Hong Leong Yamaha Motor Sdn Bhd |
| 16 | Boon Siew Honda Sdn Bhd |
| 17 | Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (MODENAS) |
| 18 | Mofaz Motosikal Sdn Bhd |
| 19 | KMSB Motors Sdn. Bhd. (Suzuki) |

Sebarang pertanyaan dan semakan lanjut berkaitan senarai syarikat automotif boleh rujuk <http://bantuanbanjir.com/senarai-syarikat-automotif.html>

18. **S: Bagaimana jika nilai kerosakan tanggungan melebihi RM1,000?**
- J: Pemberian bantuan ini dihadkan kepada RM1,000 sahaja bagi setiap kenderaan terlibat. Sekiranya kos pembaikan melebihi had yang telah ditetapkan, ia adalah di bawah tanggungan pemilik kenderaan persendirian tersebut.
19. **S: Bagaimanakah kaedah semakan kelayakan Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) dilakukan?**
- J: Setiap permohonan yang diterima akan disemak silang dengan data agensi yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi penentuan kelayakan.
20. **S: Apakah dokumen sokongan yang perlu dikemukakan semasa membuat Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar)?**
- J: Dokumen sokongan yang diperlukan adalah resit pembaikan atau penggantian kenderaan persendirian yang rosak / musnah akibat banjir bertarikh mulai 18 Disember 2021.

21. **S: Saya masih belum berdaftar di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) / Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) / Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), adakah saya boleh membuat Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar)?**
- J: Anda boleh membuat Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar), walau bagaimanapun perlu terlebih dahulu mendaftar dengan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) / Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) / Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi melayakkan untuk mendapatkan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar). Sebarang semakan dan pertanyaan berkenaan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), boleh rujuk <https://portalbencana.nadma.gov.my/ms/pkob>
22. **S: Bolehkah penebusan dilakukan ke atas lebih dari satu kenderaan bagi setiap pemilik kenderaan?**
- J: Semua jenis kenderaan yang rosak akibat banjir dalam kategori kenderaan persendirian tanpa perlindungan insurans bencana alam dan tidak dihantar ke pusat servis berdaftar sahaja layak untuk menebus Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar).
23. **S: Bagaimana jika kos pembaikan kenderaan saya tidak melebihi RM1,000, adakah saya boleh menebus jumlah baki secara tunai?**
- J: Tidak. Nilai tuntutan setiap kenderaan adalah berdasarkan kos sebenar atau RM1,000 yang mana lebih rendah dan tertakluk kepada keputusan semakan silang bagi kelayakan permohonan.
24. **S: Apakah akan berlaku sekiranya maklumat yang diisi dalam borang permohonan tidak benar / palsu atau telah membaiki / mengganti kenderaan di bengkel berdaftar?**
- J: Pemohon boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan denda atau hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga (3) tahun serta Kerajaan berhak menarik balik bantuan yang telah diluluskan sekiranya didapati memberi maklumat tidak benar / palsu atau telah membaiki / mengganti kenderaan di bengkel berdaftar.
25. **S: Saya telah membuat Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar), bilakah permohonan bantuan saya akan diproses?**
- J: Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) yang diterima akan diproses secara berperingkat dan disemak kelayakan dengan data agensi yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
26. **S: Apakah proses yang dilakukan dalam semakan kelayakan Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar)?**
- J: Maklumat Pemohon / Ketua Isi Rumah (KIR) perlu wujud sebagai mangsa banjir yang berdaftar dengan agensi, kenderaan persendirian yang dilaporkan adalah milik Ketua Isi Rumah (KIR) / Ahli Isi Rumah (AIR) serta telah mengemukakan dokumen sokongan yang menepati syarat.

27. S: Adakah saya boleh membuat kemas kini Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) yang telah saya kemukakan?

J: Ya. Kemas kini borang Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) boleh dilakukan dalam tempoh permohonan sehingga 31 Mac 2022 dan dibenarkan bagi kesilapan seperti berikut:

- i. Maklumat nombor telefon bimbit
- ii. Maklumat kenderaan persendirian milik Ketua Isi Rumah (KIR) / Ahli Isi Rumah (AIR)
- iii. Mengemukakan dokumen sokongan

28. S: Bagaimanakah cara untuk saya membuat kemas kini maklumat kenderaan persendirian yang telah diluluskan dalam Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) sebelum ini?

J: Pengemaskinian maklumat kenderaan persendirian milik Ketua Isi Rumah (KIR) / Ahli Isi Rumah (AIR) boleh dilakukan dalam tempoh permohonan sehingga 31 Mac 2022 dan hanya terhad bagi maklumat kenderaan yang tidak menepati syarat sahaja. Maklumat kenderaan persendirian yang telah diluluskan adalah kekal dan tidak dapat dipinda dalam borang Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar).

29. S: Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai inisiatif Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar)?

J: Sebarang pertanyaan mengenai Permohonan Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar), boleh hubungi:

- i. Hotline BKK LHDNM : 1-800-88-2747; atau
- ii. Talian Bantuan Khas Kerajaan Cawangan LHDNM; atau
- iii. Hotline BKK MOF : 03-8882 4565 / 4566

30. S: Saya telah menerima bayaran dan ingin menolak Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar). Bagaimanakah cara untuk memulangkan bayaran Bantuan Automotif Keluarga Malaysia (Bengkel Tidak Berdaftar) yang telah diterima?

J: Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. Mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan menyatakan nama penuh, nombor MyKad / Nombor Pengenalan, alamat surat menyurat dan sebab pemulangan;
- ii. Lampirkan draf bank / cek yang mengandungi jumlah bayaran atas nama **Akauntan Negara Malaysia** (mengikut jumlah pemulangan); **dan**
- iii. Surat dan draf bank / cek perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut:

**Pejabat Belanjawan Negara
Kementerian Kewangan Malaysia
Presint 2 62592 Putrajaya**